

Najib mahu generasi muda kuasai animasi

Kepakaran bidang teknikal, kreatif perlu menjadi pilihan kerjaya

BH-12/4/2007

Oleh Azman Zakaria

MELAKA: Datuk Seri Najib Razak mahu rakyat, terutama generasi muda meneroka bidang animasi dengan menguasai kepakaran teknikal dan kreatif serta mendalami aspek komersial dan keusahawanan sektor berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, mereka harus mempertimbangkan untuk menjadikan bidang berkenaan sebagai kerjaya dan tidak harus bersikap stereotaip dengan hanya menjadikan bidang kedoktoran, perakaunan dan guaman sebagai pilihan kerjaya.

"Bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) mempunyai nilai, tetapi bidang yang menuntut seseorang supaya kreatif seperti animasi ini belum dieksploitasi oleh kita. Anak kita harus menjadikan bidang ini sebagai satu pilihan kerjaya.

"Ramai muda mudi kita yang berbakat dalam bidang kreatif lukisan kartun dan animasi. Namun, kini kurang saluran sesuai untuk mereka menyalurkan kreativiti mereka secara profesional," katanya ketika melancarkan Program Pusat Animasi Melaka, di Ayer Keroh, di sini semalam.

Turut hadir Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis.

Sehubungan itu, Najib berharap pengendali perkhidmatan dapat menyediakan lebih banyak peluang supaya orang ramai dapat memuatturun program seumpama itu dalam telefon bimbit masing-masing.

Katanya, mereka perlu melihat kedua-dua sudut penawaran dan permintaan supaya dapat menarik minat lebih ramai dalam bidang berkenaan.

"Jika kita dapat majukan bidang animasi, saya percaya kita akan memperoleh kekayaan luar biasa. Sa-



NILAI KOMERSIAL: Najib diiringi Mohd Ali (kiri) dan Dr Jamaludin ketika melancarkan program pusat animasi di MITC Ayer Keroh, semalam.

ya harap di Melaka ini akan menjadi titik permulaannya. Jika sejarah bermula di Melaka, biarlah bidang animasi ini juga bermula di Melaka," katanya.

Najib berkata, ketika lawatannya ke Korea Selatan baru-baru ini, beliau meninjau perkembangan sektor animasi di negara berkenaan mengekspor RM245 juta hasil animasi dan kandungan kreatif ke pasaran antarabangsa pada 1997 dan meningkat kepada RM2.45-bilion dalam tempoh lapan tahun.

Katanya, Korea Selatan menguasai lebih 30 peratus pasaran animasi dunia, manakala bakat animasi dari negara itu diburu oleh majikan dan

“Bidang ICT mempunyai nilai, tetapi bidang yang menuntut seseorang supaya kreatif seperti animasi belum dieksploitasi oleh kita”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

industri animasi Amerika Syarikat dan Eropah.

"Bagi saya, tidak ada sebab mengapa kita juga tidak boleh mencapai kejayaan dalam sektor ini. Saya percaya dan yakin Malaysia juga mampu cemerlang dalam industri ini jika kita benar-benar fokus dan penuh iltizam ke arah menjadi antara penggiat utama industri animasi rantau ini," katanya.

Sementara itu Mohd Ali berkata, Kerajaan Melaka bersedia menawarkan kemudahan pusat animasi untuk pasaran domestik dan antarabangsa di kawasan seluas 74.8 hektar yang berstatus Koridor Raya Multimedia di Ayer Keroh.